

- 18 Tuliskan 'A' untuk definisi fesyen dan 'B' untuk definisi reka bentuk dan fesyen pada ruang yang disediakan.

<i>Gaya atau stail serta tingkah laku yang diterima dan menjadi popular pada satu-satu masa.</i>	
<i>Suatu proses atau bidang seni yang mengaplikasikan idea pada sesuatu reka bentuk atau rekaan pakaian atau aksesori.</i>	

[2 markah]

- 19 Berikut merupakan kerjaya dalam bidang reka bentuk fesyen.

Pereka fesyen

Peramal fesyen

Perunding imej

Padankan pernyataan berikut dengan menulis kerjaya tersebut pada ruang yang disediakan.

<i>Melinda Looi melakar reka bentuk fesyen baharu dengan bantuan program komputer untuk artis-artis tempatan bersempena Majlis Anugerah Bintang Popular</i>	
<i>Didiyana Ehsan merupakan penata gaya hijab selebriti dan golongan VIP di Malaysia seperti Neelofa, Vivy Yusof dan Lisa Surihani</i>	
<i>Melisa bekerja sebagai penganalisis trend fesyen terkini dan mengadakan penganjuran pameran pakaian dan aksesori</i>	

[3 markah]

- 20 **A, B, C dan D** adalah sebahagian daripada contoh jenis reka bentuk fesyen.

<i>A</i>	<i>Tudung</i>
<i>B</i>	<i>Skaf</i>
<i>C</i>	<i>Blaus</i>
<i>D</i>	<i>Kasut</i>

Lengkapkan jadual berikut dengan menulis **A, B, C dan D** dalam ruang jawapan.

<i>Pakaian</i>	<i>Aksesori</i>

[4 markah]

- 21 Nyatakan **tiga** jenis alatan menanda dalam reka bentuk fesyen.

- (a) _____
(b) _____
(c) _____

[3 markah]

- 22 Tandakan (✓) bagi ciri-ciri bentuk badan jam pasir yang betul dan (×) bagi pernyataan yang salah pada petak yang disediakan.

Bentuk yang paling ideal

☐

Menimbulkan penegasan melintang supaya kelihatan lebih gempal

☐

Membolehkan si pemakai memilih pelbagai stail pakaian serta fesyen mengikut kegemarannya

☐

[3 markah]

- 23 Tuliskan warna-warna yang terlibat berdasarkan pengaruh psikologi berikut.

<i>Mendorong si pemakai untuk berfikir secara rasional dan membuat keputusan dengan tepat</i>	
<i>Mendorong si pemakai agar berani mencoba sesuatu yang baru</i>	
<i>Mendorong si pemakai lebih kuat dan berkeyakinan</i>	

[3 markah]

- 24 Berikut merupakan istilah yang digunakan dalam reka bentuk fesyen.

<i>A</i>	<i>Fesyen</i>
<i>B</i>	<i>Reka bentuk</i>
<i>C</i>	<i>Reka bentuk dan fesyen</i>

Padankan definisi berikut dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan.

Proses atau bidang seni yang mengaplikasikan idea pada sesuatu reka bentuk atau rekaan pakaian atau aksesori

Proses menterjemah idea dan kreativiti bagi menghasilkan produk

Gaya atau stail serta tingkah laku yang diterima dan popular

[3 markah]

- 25 Tandakan (✓) bagi faktor yang mempengaruhi reka bentuk fesyen yang betul dan (×) bagi yang salah pada petak yang disediakan.

Sosial

☐

Pekerjaan

☐

[2 markah]

- 26 Berikut merupakan contoh hiasan yang menggunakan kaedah sulaman.



A



B



C

Padankan kaedah sulaman berikut dengan menulis A, B dan C pada petak yang disediakan.

Sulaman manik

☐

Sulaman *applique*

☐

Sulaman reben

☐

[3 markah]

- 27 Berikut merupakan alat yang digunakan dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen.

<i>A</i>	<i>Penetas</i>
<i>B</i>	<i>Tweezer</i>
<i>C</i>	<i>Roda surih dan kertas karbon</i>

Padankan fungsi berikut dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan.

Memindahkan tanda dan garis dalam kerja membuat penyesuaian pola

Memasukkan benang ke dalam lubang jarum

Menebuk lubang butang

[3 markah]

- 28 Berikut merupakan alat memotong.



A



B



C

Padankan fungsi berikut dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan.

Menggunting bahagian yang kecil atau sempit

Menggunting kertas

Menggunting fabrik

[3 markah]

- 29 Rajah 2 menunjukkan contoh bahan yang digunakan dalam reka bentuk fesyen.



Rajah 2

- (a) Nyatakan bahan di atas.

— — —

[1 markah]

- (b) Senaraikan **tiga** jenis bahan tersebut.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]

30 Berikut merupakan jenis-jenis garisan.

<i>A</i>	<i>Garisan mendatar</i>
<i>B</i>	<i>Garisan menegak</i>
<i>C</i>	<i>Garisan menyerong</i>

Padankan kesan garisan pada bentuk badan fesyen berikut dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan.

Memberi kesan rendah atau tinggi

Memberi kesan lebar atau gempal

Memberi kesan panjang, tinggi atau langsing

[3 markah]

31 Tandakan (✓) bagi reka bentuk fesyen bagi individu yang mempunyai bentuk badan segi empat yang betul dan (×) bagi yang salah pada petak yang disediakan.

Memilih skirt yang kembang

Penggunaan aksesori pada bahagian bahu

Memilih pakaian yang mempunyai pelapik bahu yang kecil

[3 markah]